

BADAN PROFESIONAL YANG DIKTIRAF BAGI MAKSUD PELEPASAN CUKAI INDIVIDU DI BAWAH PERENGGAN 46(1)(f), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Di bawah perenggan 46(1)(f) Akta Cukai Pendapatan 1967, yuran pengajian lanjutan yang dibelanjakan oleh individu untuk diri sendiri bagi tujuan mendapat kelayakan atau kemahiran dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam, teknikal, vokasional, perindustrian, saintifik atau teknologi dibenarkan potongan sehingga maksimum RM5,000.

Walau bagaimanapun kursus atau pengajian yang berkenaan hendaklah diikuti di institusi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau di badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Menteri Kewangan.

Senarai badan profesional yang diiktiraf oleh Menteri Kewangan adalah seperti berikut:-

- i) Malaysian Institute Of Accountants (MIA);
- ii) The Malaysian Institute Of Certified Public Accountants (MICPA);
- iii) The Institution Of Engineers Malaysia;
- iv) Lembaga Jurutera Malaysia;
- v) Lembaga Arkitek Malaysia;
- vi) Pertubuhan Arkitek Malaysia;
- vii) Lembaga Juruukur Bahan Malaysia;
- viii) Lembaga Juruukur Tanah Malaysia;
- ix) Lembaga Penilai, Penaksir dan Ajen Hartanah; dan
- x) The Institution Of Surveyors Malaysia.

Senarai institusi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan boleh diperolehi daripada laman web Jabatan Perkhidmatan Awam (www.jpa.gov.my).

Jabatan Teknikal,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.